

Graduan Kuktem mudah dapat kerja

Oleh Samsudin Awang

KUANTAN: Graduan sulung Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) yang menamatkan pengajian pada sesi konvokesyen April lalu, tidak berdepan masalah pengangguran kerana semuanya sudah mendapat pekerjaan.

Daripada jumlah keseluruhan 364 graduan yang menerima ijazah dan diploma pada majlis konvokesyen itu, cuma tiga orang saja yang tidak bekerja kerana mereka memilih untuk berehat dulu dan ada yang memilih untuk menjadi suri rumah sepenuh masa selepas mendirikan rumah tangga.

Rektor Kuktem, Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela, berkata banciah pihaknya mendapati lebih 60 peratus daripada graduan terbabit berjaya mendapat

pekerjaan dalam tempoh tiga bulan selepas menamatkan pengajian.

"Antara faktor yang membuatkan mereka begitu mudah mendapat pekerjaan ialah sistem kurikulum di Kuktem yang memberi pendedahan awal kepada pasaran pekerjaan sebelum mereka menamatkan pengajian.

"Pada semester terakhir, selama enam bulan mereka menjalani latihan praktikal bagi Subjek Latihan Industri di sektor swasta yang berkaitan bidang pengkhususan mereka.

"Dari situ, mereka dapat mempraktikkan semua yang dipelajari di Kuktem kepada bentuk 'hands on' manakala majikan pula dapat menilai prestasi penuntut itu sendiri sama ada sesuai atau tidak diambil bekerja dengan mereka.

"Kebanyakan penuntut memilih untuk menjalani latihan industri di agensi yang berpotensi untuk mendapatkan pekerjaan sama ada di kampung asal mereka, di Lembah Kelang atau di sekitar negeri ini," katanya.

Beliau berkata, sistem pengajian di Kuktem memperuntukkan 60 peratus proses pembelajaran kepada teori dan 40 peratus untuk praktikal supaya penuntut memperoleh ilmu secara seimbang dan tidak tertumpu kepada kuliah semata-mata.

"Penuntut juga diterapkan dengan pendidikan Kemahiran Insaniah sebagai satu nilai tambah kepada mereka supaya setiap individu mempunyai nilai keperibadian tinggi dan tidak sekadar menguasai bidang pengajian mereka semata-mata.

"Dalam kemahiran insaniah ini, ele-

Faktor yang membuatkan mereka mudah dapat pekerjaan ialah sistem kurikulum di Kuktem yang beri pendedahan awal kepada pasaran pekerjaan sebenar sebelum tamatkan pengajian"

Dr Mohamed Said Mat Lela
Rektor Kuktem

men yang diterapkan ke dalam diri penuntut termasuk ciri kepemimpinan, kerjasama, tanggungjawab dan sahsiah diri supaya mereka dapat memperkayakan ciri peribadi dalam diri.

"Melalui kurikulum ini, penuntut akan dinilai secara berterusan ketika berada di dalam atau di luar bilik kuliah sepanjang pengajian mereka," katanya.

Mohamed Said berkata, kampus Kuktem di Gambang dekat sini, dijangka berpindah ke kampus tetapnya di Kuala Pahang pada 2009 kerana kampus baru itu kini dalam proses penyediaan tapak.

"Di kampus baru itu dijangka lebih 10,000 penuntut berjaya ditempatkan di dua Fakulti Sains dan Teknologi dengan penumpuan Kuktem turut diberikan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D)," katanya.